



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN



DOKUMEN SEBUT HARGA

UNTUK

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN
PENGANTIAN STRUKTUR SILING DI *COMBAT COURT*
GYMNASIUM, BLOK 1 DI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

MSWP(SH)7/2024

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah

Presint 2, 62100 Putrajaya

TEL: 03-88926600

FAX: 03-88926616

Peringatan :

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI **MEMBACA DAN MEMAHAMI** KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGEMUKAKAN TAWARAN SEBUT HARGA. PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT SEBUT HARGA TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN (PEROLEHAN KERJA)

Sila tandakan (/) Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk ditanda oleh syarikat	Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	Salinan Sijil Pendaftaran - (CIDB)		
2	Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)		
3	Salinan Sijil Taraf Bumiputra (PKK)		
4	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani		
5	Borang Maklumat Penyebut Harga		
6	Pematuhan Kepada Spesifikasi		
7	Borang Penyerahan Contoh dan Katalog (jika berkaitan)		
8	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Penyebut Harga		
9	Borang B – Maklumat Am Latar Belakang Penyebut Harga		
10	Borang C – Data-Data Kewangan		
11	Borang D – Pengalaman Kerja		
12	Borang Sebut Harga Kerja		
13	Senarai Kuantiti		
14	Cadangan Penyelenggaraan / Penyelenggaraan (jika perlu)		
15	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		
16	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir		
17	Surat Akuan Penyebut Harga		

Bil.	Perkara / Dokumen	Untuk ditanda oleh syarikat	Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
18	Lain-lain Dokumen Sokongan Kewangan (Sekiranya Ada)		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat- syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada).

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENGGANTIAN STRUKTUR SILING DI *COMBAT COURT GYMNASIUM*, BLOK 1 DI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

ISI KANDUNGAN

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1	Kenyataan Sebut Harga	5
2	Surat Akuan Pembida	6
3	Arahan Kepada Penyebut Harga	8
4	Syarat-Syarat Sebut Harga Untuk Kerja	9 – 13
5	Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen Yang Dikemukakan Oleh Penyebut Harga	14 – 15
6	Borang B – Maklumat Am Latar Belakang Penyebut Harga	16
7	Borang C – Data-Data Kewangan	17
8	Borang D – Pengalaman Kerja	18 – 19
9	Borang Sebut Harga Kerja	20 – 21
10	Senarai Kuantiti	22 – 25

KENYATAAN SEBUT HARGA (MSWP (SH) 7/2024)

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Kelas G1/G2 (Pembinaan Kejuruteraan Awam) bagi menyertai sebut harga seperti berikut:-

No. Sebut Harga	Perihal Kerja	Kelayakan	Tarikh Iklan Dan Tutup Sebut Harga
MSWP(SH)7/2024	SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENGGANTIAN STRUKTUR SILING DI COMBAT COURT GYMNASIUM, BLOK 1 DI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN	<p>a) Sijil CIDB GRED G1/G2</p> <p>b) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)</p> <p>c) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) – KATEGORI CE Pengkhususan CE21 KATEGORI E Pengkhususan E11</p>	<p>a) Iklan dibuka pada 24 April 2024 (Rabu)</p> <p>b) Iklan ditutup pada 03 Mei 2024 (Jumaat) (12.00 tengahari)</p>

- Dokumen-dokumen dan Borang Sebut Harga ini boleh dimuat turun dari laman sesawang Majlis Sukan Wilayah Persekutuan di www.wipers.gov.my.
- Kontraktor-kontraktor digalakkan untuk membuat lawatan tapak secara persendirian bagi mendapatkan gambaran berkaitan projek yang akan dilaksanakan kelak. Lawatan ke tapak lokasi hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu kepada pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan iaitu **Encik Mohd Jauhar Ikhwan Bin Ismail** di talian **03-88926798** atau **Puan Harlina Binti Jamil** di talian **03-88926677**. Alamat adalah di *Gymnasium* Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Aras G, Blok 1, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.
- Dokumen Sebut Harga mestilah diserahkan ke alamat **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya** tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari pada **03 Mei 2024 (Jumaat)** dan hendaklah sah selama 90 hari (sembilan puluh hari) selepas itu. Sebut harga mestilah dimasukkan dalam sampul surat berlakri ditanda **"SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENGGANTIAN STRUKTUR SILING DI COMBAT COURT GYMNASIUM, BLOK 1 DI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN: MSWP(SH)7/2024"**.



(NIK AHMAD ZAHIRUDDIN BIN NIK SALEH)
Pengarah
Majlis Sukan Wilayah Pesekutuan
Tarikh: 24 April 2024

SURAT AKUAN PEMBIDA

BAGI

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENGGANTIAN STRUKTUR SILING DI *COMBAT COURT GYMNASIUM*, BLOK 1 DI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

SEBUT HARGA : MSWP(SH)7/2024

Saya, (Nama Wakil Syarikat) _____ nombor kad pengenalan _____ yang mewakili (Nama Syarikat) _____ no.pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) _____ dengan ini mengisytiharkan

bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam Majlis Sukan Wilayah Persekutuan atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:-

- 2.1 hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa tindakan berikut akan diambil :

- 3.1 Didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing masing untuk kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i); atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 Juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : _____
Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
Tarikh : _____
Cop Syarikat : _____

Catatan:

- (i) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (ii) ***seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan Bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA / MENOLAK SEBUT HARGA

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan pen berdakwaat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembedulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap sebanyak **tiga (3) salinan** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatitkan dengan bilangan sebut harga **MSWP(SH)7/2024** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.
- b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- c) Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi urus setia perolehan untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh **tidak melebihi 90 hari**.

4. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.

5. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebut Harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK KERJA

1. PEMERIKSAAN TAPAK BINA

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal-keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. PERATURAN PERLAKSANAAN KERJA

- 2.1 Kerja-karya yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebut Harga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga ini dan arahan Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan atau Wakilnya.
- 2.2 Kerja-karya elektrik yang dilaksanakan disamping mematuhi kehendak di perenggan 2.1 di atas, hendaklah juga mematuhi semua peraturan dan pekeliling, undang-undang dan undang-undang kecil yang diluluskan oleh:

- (i) Suruhanjaya Tenaga
- (ii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- (iii) Pemegang Lesen dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik
- (iv) Jabatan Bomba dan Penyelamat
- (v) Pihak Berkuasa Tempatan

3. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden akan dibatalkan oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

4. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Kerja kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah Inden ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

5. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

- 5.1 Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan atau Wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil kerja dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, memberi kepadanya baucar-baucar dan / atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

- 5.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 5.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan secara bertulis.

6. RINGKASAN SEBUT HARGA

- 6.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 6.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyiapan Kerja dengan sempurnanya.
- 6.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh kerja.
- 6.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tentang kemunasabahnannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.
- 6.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga menurut perenggan 6.4 tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.
- 6.6 Sekiranya sebut harga berasaskan senarai kuantiti sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga sebut harga diselaraskan.

7. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 7.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan kerja dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnya dari Dokumen Sebut Harga itu.
- 7.2 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Perolehan untuk mendapatkan keputusan.

8. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan:

- 8.1 Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;
- 8.2 Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- 8.3 Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- 8.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tanpa apa-apa alasan yang munasabah; dan
- 8.5 Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

9. KERJA PERUBAHAN

- 9.1 Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebut harga ini.
- 9.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

10. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

- 10.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh kerja diperakukan siap. Bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik di mana tempoh waranti ke atas alat-alat dan loji-loji adalah dua belas (12) bulan dan dalam kes-kes tertentu oleh kerana jenis dan kerumitan kerja, tempoh tanggungan kecacatan yang lebih lama daripada enam (6) bulan boleh dikenakan.
- 10.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan dan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan dan dalam masa yang berpatutan. Kontraktor hendaklah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos Kontraktor sendiri.
- 10.3 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan berhak memotong kos membaiki dari baki wang yang akan dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tiada tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Pusat Khidmat Kontraktor untuk menggantungkan pendaftaran Kontraktor, dan menghantar salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Korperasi (KUSKOP) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Bagi kerja-kerja elektrik / mekanikal, Salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal / Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

11. PERATURAN PEMBAYARAN SELEPAS PELAKSANAAN PROJEK SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor hendaklah mengembalikan Borang-borang Inden Kerja Asal iaitu Borang Perjanjian Inden Kerja JKR 58 dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja JKR 58A kepada Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

12. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermulanya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

13. PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain.

14. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

15. DENDA

Jika syarikat lewat menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan boleh mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut:

- Peratusan LAD = PR setahun / 365 hari
- Di mana : *Prime Rate* (PR) setahun = *Prime Rate* yang dikeluarkan oleh mana-mana bank perdagangan.
- Contoh anggaran perkiraan dengan nilai PR adalah 10.00% setahun:

Peratusan denda ganti rugi :

- 10.00% / 365 hari = 0.0273% sehari
- Kadar LAD sehari = (0.0273% x nilai kontrak)

16. Kuantiti yang ditunjukkan adalah sebagai panduan sahaja. Majlis Sukan Wilayah Persekutuan berhak menambah atau mengurangkan mengikut kadarnya bagi tujuan sebut harga ini. Syarikat mestilah memasukkan kadar harga pada tiap-tiap butiran. Jika tidak sebut harga dari syarikat berkenaan akan ditolak. Syarikat yang **enggan** menandatangani sesuatu sebut harga selepas sebut harganya diterima atau **menarik balik** sebut harganya sebelum sesuatu tawaran diumumkan, **pendaftaran akan digantung**. Sekiranya syarikat **gagal** melaksanakan mana-mana kerja yang telah digariskan di dalam spesifikasi kerja, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan ini berhak untuk **memotong bayaran** mengikut kadar seperti di dalam harga yang telah disebutkan.

17. Sekiranya pihak Majlis Sukan Wilayah Persekutuan **tidak berpuas hati** di atas kerja-kerja yang telah dijalankan, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan boleh **membatalkan** tawarannya

atau kontrak yang telah dikeluarkan.

Saya yang bertandatangan di bawah dengan ini faham dan bersetuju menerima syarat-syarat/ spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak seperti yang dinyatakan di atas.

Tandatangan Kontraktor	Tandatangan Saksi
Nama : No. Kad Pengenalan : Alamat : No. Kad Pengenalan: No. Telefon Pejabat : No. Telefon Bimbit :	Nama : No. Kad Pengenalan : Alamat : No. Kad Pengenalan: No. Telefon Pejabat : No. Telefon Bimbit :

BORANG A – SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KEESAHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUT HARGA

Nama Syarikat :

Tarikh :

Alamat :

.....

.....

.....

Kepada : Pengarah
Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
Aras 2, Blok 1,
Menara Seri Wilayah, Presint 2
Putrajaya

Tuan,

MAKLUMAT LATAR BELAKANG KEWANGAN DAN TEKNIKAL SYARIKAT

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Penyebut Harga termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen sebut harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan menilai keupayaan syarikat kami untuk melaksanakan kerja yang disebut harga semasa penilaian Sebut Harga.
2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa semasa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang di sebut harga. Justeru itu sebut harga kami akan hanya dipertimbangkan untuk diperakukan kepada Lembaga Sebut Harga untuk disetujui terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang di sebut harga mengikut penilaian Majlis Sukan Wilayah Persekutuan berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang dikemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta bersama-sama sebut harga kami sebelum Sebut Harga ditutup dan maklumat-maklumat atau dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambil kira dalam penilaian keupayaan kami.
4. Kami mengaku bahawa maklumat-maklumat dan data-data yang kami berikan bersama-sama ini di Bahagian A, B dan C dan dokumen yang kami sertakan bersama setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh pihak Majlis Sukan Wilayah Persekutuan terhadap kami dan / atau sebut harga kami sekiranya mana-mana maklumat, data-data dan dokumen yang kami berikan itu adalah didapati tidak benar dan palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Sebut Harga kami akan ditolak (*disqualified*) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan / atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan Majlis Sukan Wilayah Persekutuan menilai keupayaan kami, terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami seperti berikut:
- a) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juru Audit yang bertauliah bagi dua (2) tahun kewangan terakhir;
 - b) Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan Penyebut Harga bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebut Harga; dan
 - c) Laporan Penyelia Projek atau prestasi kerja semasa yang bukan projek Majlis Sukan Wilayah Persekutuan ini.
6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan untuk menyemak maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapat maklumat tambahan. Kami mengambil maklum bahawa pihak Majlis Sukan Wilayah Persekutuan juga boleh merujuk apa-apa maklumat yang kami kemukakan dengan mana-mana pihak termasuk Jabatan Hasil Dalam Negeri. Walaubagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

Yang Benar.

.....
(Tandatangan Penyebut Harga)

Tarikh :

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :

Saksi :
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Pekerjaan :
Alamat :

Tarikh :

BORANG B – MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
3. No. Telefon :
4. Email :
5. Pendaftaran dengan Sijil Perolehan Kerajaan (SPKK). Sertakan Salinan Pendaftaran
 - a) No. Pendaftaran :
 - b) Tarikh Daftar :
 - c) Sah Sehingga :
 - d) Kod Bidang :
 - e) Taraf Bumiputra :
 - f) Tempoh Sah Taraf Bumiputra :
6. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. Nyatakan :
 - a) Modal Dibenarkan :
 - b) Modal Dibayar :
7. Perniagaan Utama Syarikat (yang lain)
 - a)
 - b)
 - c)
8. Ahli Lembaga / Pengurusan Syarikat

Nama	Jawatan (Saham Modal Dipegang)	Kelulusan / Akademik / Iktisas

BORANG C – DATA-DATA KEWANGAN

- a) Ringkasan harta dan liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan yang di audit bagi tahun kewangan terakhir.

Aset	Liabiliti	Nilai Kewangan (A-B)
Semasa : RM	Semasa : RM	Semasa : RM
Tetap : RM	Tetap : RM	Tetap : RM
Jumlah : RM	Jumlah : RM	Jumlah : RM

- b) Akaun Wang Di tangan (*Cash in Hand*)

i. Nama Bank dan Alamat Bank :

ii. Nombor Akaun Bank :

- c) Kemudahan Kredit Dalam Bentuk Mudah Cair (Jika ada)

i. Nama Bank dan Alamat Bank yang memberi Kemudahan Kredit.

ii. Bentuk dan baki kemudahan kredit dalam bentuk mudah cair yang boleh digunakan untuk projek pembinaan.

BAHAGIAN D – PENGALAMAN KERJA

1. Senaraikan tiga kerja-kerja yang telah disiapkan.

Nama Projek	Agensi yang mengawasi projek	Harga (RM)	Tempoh	Tarikh siap sebenar

2. Senaraikan tiga kerja-kerja yang sedang disiapkan.

Nama Projek	Agensi yang mengawasi projek	Harga (RM)	Tempoh	% Kemajuan semasa

BORANG SEBUT HARGA

Sebut Harga : MSWP(SH)7/2024

**PENGARAH
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN
ARAS 2, BLOK 1
MENARA SERI WILAYAH, PRESINT 2
PUTRAJAYA**

Tuan,

SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENGGANTIAN STRUKTUR SILING DI *COMBAT COURT GYMNASIUM*, BLOK 1 DI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:.....

(RM)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa 90 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

Bertarikh padaharibulan April 2024

.....
Tandatangan Kontraktor

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh:

Nama Penuh:.....

No. K/P:

No. K/P:.....

Alamat:.....

Alamat:.....

.....
Meterai atau Cop Kontraktor

**SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENGGANTIAN STRUKTUR SILING DI
COMBAT COURT GYMNASIUM, BLOK 1 DI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
RINGKASAN SEBUT HARGA (PUKAL)**

Bil.	Huraian Kerja	Jumlah Harga Pukal (RM)
A	Kerja-kerja penggantian struktur siling, siling dan kerja-kerja yang berkaitan di <i>Combat Court Gymnasium</i>, Blok 1.	
1.0	Kerja-kerja menyediakan hoarding keselamatan serta kerja-kerja pembersihan peralatan gymnasium dan kerja-kerja yang berkaitan mengikut arahan dan kelulusan S.O.	
2.0	Kerja-kerja meroboh dan membuang siling kapur lama serta kerja-kerja yang berkaitan mengikut arahan dan kelulusan S.O.	
3.0	Kerja-kerja membuka peralatan lampu, ducting aircond, cctv, smoke detector dan peralatan lain serta kerja-kerja yang berkaitan mengikut arahan dan kelulusan S.O.	
4.0	Kerja-kerja membekal dan memasang siling kapur baru termasuk kelengkapan lain serta kerja-kerja yang berkaitan mengikut arahan dan kelulusan S.O.	
5.0	Kerja-kerja memasang semula kelengkapan peralatan lampu, ducting aircond, cctv, smoke detector dan peralatan lain serta kerja-kerja yang berkaitan mengikut arahan dan kelulusan S.O.	
Jumlah dibawa ke Borang Sebut Harga		

Catatan:

Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Kerja tidak termasuk di dalam Ringkasan Sebut Harga ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Ringkasan Sebut Harga.

.....

Tandatangan Kontraktor

Tarikh :

SENARAI KUANTITI

Sebut Harga Untuk : **SEBUT HARGA BAGI KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN PENGGANTIAN STRUKTUR SILING DI COMBAT COURT GYMNASIUM, BLOK 1 DI JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

No Sebut Harga : **MSWP(SH)7/2024**

Kami / saya dengan ini menawarkan perkhidmatan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat/ spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan dengan harga seperti berikut:

Bil.	Spesifikasi Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar Harga (RM)	Jumlah Harga (RM)
A	Kerja-kerja penggantian struktur siling, siling dan kerja-kerja yang berkaitan di <i>Combat Court Gymnasium</i>, Blok 1.				
1.0	Kerja-kerja menyediakan hoarding keselamatan serta kerja-kerja pembersihan peralatan gymnasium dan kerja-kerja yang berkaitan mengikut arahan dan kelulusan S.O.	(L/S)	1		
2.0	Kerja-kerja meroboh dan membuang siling kapur lama serta kerja-kerja yang berkaitan mengikut arahan dan kelulusan S.O.	sqft	4,208		
3.0	Kerja-kerja membuka peralatan lampu, ducting aircond, cctv, smoke detector dan peralatan lain serta kerja-kerja yang berkaitan mengikut arahan dan kelulusan S.O.	(L/S)	1		
4.0	Kerja-kerja membekal dan memasang siling kapur baru termasuk kelengkapan lain serta kerja-kerja yang berkaitan mengikut arahan dan kelulusan S.O.	sqft	4,208		
5.0	Kerja-kerja memasang semula kelengkapan peralatan lampu, ducting aircond, cctv, smoke detector dan peralatan lain serta	(L/S)	1		

	kerja-kerja yang berkaitan mengikut arahan dan kelulusan S.O.				
--	---	--	--	--	--

JUMLAH KESELURUHAN PROJEK : RM

TEMPOH SIAP KERJA (Bilangan Hari) :

.....

Nama / Jawatan
 Tandatangan
 Metri atau Cop Syarikat

